



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
ARKIB NEGARA MALAYSIA

SIRI PENGURUSAN REKOD KERAJAAN

JADUAL PELUPUSAN REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

ARKIB NEGARA MALAYSIA
2023

REKOD ASAS AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI

SIRI PENGURUSAN REKOD KERAJAAN

JADUAL PELUPUSAN REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

ARKIB NEGARA MALAYSIA
2023

JADUAL PELUPUSAN REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

EDISI 2023

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana kandungan buku ini dalam apa bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-967-912-188-9

Diterbitkan oleh:

Arkib Negara Malaysia
Jalan Tuanku Abdul Halim
50568 Kuala Lumpur
Tel: 03 62090600
Faks: 03 62015679

Dicetak oleh:

Percetakan Watan Sdn. Bhd.
26, Jalan Daud, Kampung Bharu
50300 Kuala Lumpur
Tel: 03 26984945

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PRAKATA	vii
1. NOTA PENJELASAN	1
2. PENGENALAN JADUAL	1
2.1 Tujuan	1
2.2 Skop	1
2.3 Pengecualian Pemakaian Jadual	1
2.4 Kajian Semula Jadual	2
2.5 Tanggungjawab Pegawai Pengawal	2
2.6 Tafsiran/Definisi	2
2.6.1 Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan	2
2.6.2 Tajuk Siri	2
2.6.3 Perihal Rekod	2
2.6.4 Tamat Tindakan	2
2.6.5 Tindakan Pelupusan	3
2.6.6 Pelupusan	3
2.6.7 Pemusnahan	3
2.6.8 Pemindahan Rekod	3
2.6.9 Pejabat Awam	3
2.6.10 Rekod	3
2.6.11 Rekod Awam	3
2.7 Larangan Pemusnahan Rekod Awam	3
3. TATACARA PELUPUSAN REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN	
3.1 Permohonan Pelupusan Rekod Secara Pemusnahan Bagi Kumpulan 1 (Rekod Kewangan dan Perakaunan)	4
3.2 Permohonan Pelupusan Rekod Secara Pemusnahan Bagi Kumpulan 2 (Rekod Am Kewangan dan Perakaunan)	4
3.3 Kaedah Pemusnahan Rekod Bagi Kumpulan 1 (Rekod Kewangan dan Perakauan)	4

3.4	Kaedah Pemusnahan Rekod Bagi Kumpulan 2 (Rekod Am Kewangan dan Perakaunan)	5
3.5	Permohonan Pelupusan Rekod Secara Pemindahan	6
3.6	Kaedah Pemindahan Rekod	6
3.7	Permohonan dan Kelulusan Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan bagi Pejabat Awam yang tidak tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan 150 (Pindaan 2023)	6

KUMPULAN 1 : Rekod Kewangan dan Perakaunan

1.	Lejar dan Daftar Berkaitan Hutang Awam, Pinjaman, Pelaburan dan Sekuriti serta Daftar Pindah Milik	7
2.	Lejar Perakaunan Utama Perbendaharaan, Ringkasan dan Lejar Kecil, Rekod Perakaunan, Buku Tunai dan Jurnal	8
2. (i)	Salinan Cetak (Hardcopy) Daripada Sistem Perakaunan	8
2. (ii)	Manual	15
3.	Rekod Kewangan dan Perakaunan Berkaitan Bayaran dan Pelarasan	17
3. (i)	Salinan Cetak (Hardcopy) daripada Sistem Perakaunan	17
3. (ii)	Manual	20
4.	Rekod Kewangan dan Perakaunan Berkaitan Terimaan	24
5.	Rekod Kewangan dan Perakaunan Pendua atau Kaunterfoil, <i>Audit Roll</i> dan Bayaran Pos	25
6.	Rekod Pengurusan Aset Awam	26
7.	Lejar dan Rekod Kewangan dan Perakaunan dalam Bentuk Digital atau Mikrografi	26
7. (i)	Digital	26
7. (ii)	Arkib (Archiving) Dan Akses (Retrieval) Data	46

KUMPULAN 2 : Rekod Am Kewangan dan Perakaunan

1.	Tadbir Urus Kewangan/ Akaun	47
1.1	Pewakilan/ Penurunan Kuasa Kewangan	47
1.2	Jawatankuasa Pengurusan Kewangan	47
1.3	Laporan/ Penyata Penyesuaian Kewangan dan Akaun	47

2.	Kewangan	48
2.1	Bajet Mengurus	48
2.2	Bajet Pembangunan	48
2.3	Geran Peruntukan	48
2.4	Kelulusan Kadar Kewangan	48
2.5	Audit/ Naziran Kewangan	48
3.	Akaun/ Kumpulan Wang Disatukan	49
3.1	Akaun Amanah/ Akaun Amanah Disatukan/ Kumpulan Wang Amanah Kerajaan (KWAK)	49
3.2	Akaun Antara Jabatan	49
3.3	Akaun Bank	49
3.4	Akaun Belum Terima/ Tunggakan	49
3.5	Akaun Deposit	49
3.6	Akaun Panjar	50
3.7	Akaun Pukal	50
3.8	Akaun Hasil Dan Terimaan	50
3.9	Akaun Pinjaman	50
3.10	Akaun/ Wang Pendahuluan	50
4.	Bayaran	51
4.1	Bayaran Perbelanjaan	51
4.2	Emolumen	51
4.3	Potongan Gaji	51
4.4	Elaun Dan Bayaran	51
4.5	Urusan Cek/ EFT terbatal	51
4.6	Pinjaman Pembiayaan Kerajaan	52
4.7	Bayaran Yuran	52
4.8	Yuran Pelbagai	52
5.	Perolehan Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja	52
5.1	Keurusetiaan Perolehan	52
5.2	Kelulusan Khas Kewangan	52
5.3	Pendaftaran Pembekal/ Kontraktor	53
5.4	Kontrak Pusat	53
5.5	Pembelian Terus	53
5.6	Sebutharga Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan/ Kerja	53
5.7	Tender	54
5.8	Perolehan Secara Rundingan Terus	54
5.9	Pembelian Darurat	54
5.10	Pembelian Gotong Royong	55

6.	Pengurusan Kontrak	55
6.1	Kontrak Bekalan	55
6.2	Kontrak Perkhidmatan	55
6.3	Kontrak Kerja	55

LAMPIRAN

Lampiran 1	: Carta Alir Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan bagi Kumpulan 1 dan Kumpulan 2	56
Lampiran 2	: Borang Permohonan Bagi Pemusnahan Rekod Kewangan dan Perakaunan (Kewangan-Arkib 4/08) bagi Kumpulan 1	57
Lampiran 2(1)	: Penerangan - Borang Permohonan Bagi Pemusnahan Rekod Kewangan dan Perakaunan (Kewangan-Arkib 4/08) bagi Kumpulan 1	58
Lampiran 3	: Borang Permohonan Bagi Pemusnahan Rekod Kewangan dan Perakaunan (Kewangan-Arkib 4/08) bagi Kumpulan 2	59
Lampiran 3(1)	: Penerangan - Borang Permohonan Bagi Pemusnahan Rekod Kewangan dan Perakaunan (Kewangan-Arkib 4/08) bagi Kumpulan 2	60
Lampiran 4	: Borang Penentusahan Pemusnahan Rekod Kewangan dan Perakaunan (Kewangan-Arkib 13/08)	61
Lampiran 4(1)	: Penerangan - Borang Penentusahan Pemusnahan Rekod Kewangan dan Perakaunan (Kewangan-Arkib 13/08)	62
Lampiran 5	: Borang Permohonan Bagi Pemindahan Rekod Awam (Arkib 11/08)	63
Lampiran 5(1)	: Penerangan - Borang Permohonan Bagi Pemindahan Rekod Awam (Arkib 11/08)	64
Lampiran 6	: Arahan Perbendaharaan 150 (Pindaan 2023) (Lampiran M)	65

Prakata


Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah atas komitmen serta kesungguhan yang telah diberikan oleh Jawatankuasa Penyediaan Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan yang dianggotai oleh pegawai-pegawai daripada Arkib Negara Malaysia, Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Jabatan Audit Negara Malaysia dan juga Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Kejayaan ini menggambarkan wujudnya kerjasama erat di antara Arkib Negara Malaysia dengan kementerian dan agensi-agensi pusat dalam memastikan pengurusan rekod kewangan dan perakaunan negara dilaksanakan secara sistematik dan efisien, selain pematuhan kepada kehendak seksyen 27 Akta Arkib Negara 2003 [*Akta 629*] dan Arahan Perbendaharaan 150 (Pindaan 2023).

Rekod kewangan dan perakaunan yang terdapat di kementerian, jabatan dan agensi kerajaan adalah dalam pelbagai jenis dan media. Jumlah rekod ini sentiasa bertambah disebabkan peningkatan aktiviti dan transaksi kewangan dan perakaunan kerajaan yang dilaksanakan secara konvensional dan elektronik melalui sistem aplikasi kewangan di keseluruhan sektor awam. Rekod sebegini memerlukan kaedah pengurusan dan penyimpanan yang tertentu bagi keperluan perakaunan, pengauditan dan pematuhan peraturan serta perundangan yang berkaitan dengan pengurusannya. Keperluan penyimpanan ini memerlukan ruang penyimpanan tambahan serta kaedah pelupusan yang cekap dan teratur. Oleh yang demikian, Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan 2023 ini disediakan bagi menetapkan tempoh penyimpanan rekod kewangan dan perakaunan serta tindakan pelupusannya.

Saya amat yakin bahawa Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan 2023 ini akan dapat menyumbang kepada peningkatan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan dan keberkesanan proses pelupusan rekod kewangan dan perakaunan di pejabat-pejabat awam.

Terima kasih.



DATO' JAFAR SIDEK BIN HJ. ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah
Arkib Negara Malaysia
1 Disember 2023

1. NOTA PENJELASAN

Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan adalah satu jadual yang umum (generic) bagi pelupusan rekod kewangan dan perakaunan di semua pejabat awam di seluruh Malaysia. Jadual ini disediakan untuk memudahkan dan menyelaraskan pelupusan rekod kewangan dan perakaunan. Jadual ini mengambilkira peraturan-peraturan dan keperluan-keperluan berikut:

- i. Akta Arkib Negara 2003 [*Akta 629*];
- ii. Arahan Perbendaharaan 150 (Pindaan 2023) - Surat Edaran Kementerian Kewangan bertarikh 24 Februari 2023;
- iii. Keperluan pengauditan Jabatan Akauntan Negara;
- iv. Keperluan pengauditan Jabatan Audit Negara; dan
- v. Keperluan siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Jadual ini meliputi dua (2) kumpulan Rekod Kewangan dan Perakaunan:

Kumpulan 1: Rekod Kewangan dan Perakaunan adalah rekod awam yang diwujudkan dan diterima, hasil daripada transaksi dan pelaksanaan aktiviti pengurusan kewangan dan perakaunan kementerian, jabatan dan agensi kerajaan dalam pelbagai bentuk atau media. Kumpulan ini meliputi tujuh (7) tajuk siri utama.

Kumpulan 2: Rekod Am Kewangan dan Perakaunan adalah rekod awam yang diwujudkan dan diterima untuk menyokong transaksi pengurusan kewangan dan perakaunan kementerian, jabatan dan agensi kerajaan dalam pelbagai bentuk atau media. Kumpulan ini meliputi enam (6) tajuk siri utama.

Jadual ini telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Penyediaan Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan untuk kelulusan Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia dan diluluskan pada **1 Disember 2023** selaras dengan seksyen 27 Akta Arkib Negara 2003 [*Akta 629*].

2. PENGENALAN JADUAL

2.1 Tujuan

Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan ini adalah untuk menetapkan tempoh simpanan rekod kewangan dan perakaunan sebelum dilupuskan secara pemusnahan atau pemindahan ke Arkib Negara Malaysia setelah tamat tindakan. Oleh itu, kementerian, jabatan dan agensi kerajaan hendaklah memohon pelupusan bagi rekod yang telah tamat tindakan dan mematuhi tempoh simpanan yang ditetapkan.

2.2 Skop

Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan ini hendaklah digunapakai oleh kementerian, jabatan dan agensi kerajaan. Ia meliputi semua rekod-rekod kewangan dan perakaunan yang diwujudkan secara konvensional atau secara elektronik dalam apa jua bentuk dan media.

2.3 Pengecualian Pemakaian Jadual

2.3.1 Jadual ini tidak terpakai bagi pelupusan:

- i. Rekod kewangan fungsian yang mengawal selia urusan kewangan, perakaunan dan penyeliaan projek-projek pembangunan jabatan lain; dan
- ii. Rekod Kewangan dan Perakaunan serta Rekod Am Kewangan dan Perakaunan yang diwujudkan pada dan sebelum 31 Disember 1948 di kementerian, jabatan dan agensi di Semenanjung Malaysia serta bertarikh pada dan sebelum 30 September 1963 bagi rekod-rekod Persekutuan di Sabah dan Sarawak. Rekod-rekod ini hendaklah disimpan

kekal di Arkib Negara Malaysia atau Arkib Negara Malaysia Negeri selaras dengan keputusan yang dibuat oleh Lembaga Penasihat Arkib Negara pada 15 November 1974 (Minit Mesyuarat Ketujuh Lembaga Penasihat Arkib Negara).

2.4 Kajian Semula Jadual

Jadual Pelupusan Rekod ini boleh dikaji semula dan boleh dikemaskini dari semasa ke semasa apabila berlaku perkara-perkara berikut:

- Berlaku perubahan dalam fungsi yang menyebabkan penambahan atau pengurangan siri rekod;
- Berlaku perubahan perundangan dan polisi kerajaan yang memerlukan pindaan kepada tamat tindakan dan tindakan pelupusan; dan
- Berlaku perubahan tempoh pengekelan (simpanan) berdasarkan keperluan semasa pejabat awam.

Pejabat awam boleh memberi maklumat bagi penambahan siri rekod dalam JPR Kewangan dan Perakaunan ini. Sebarang pindaan hanya boleh dilakukan oleh Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia sahaja.

2.5 Tanggungjawab Pegawai Pengawal

Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab terhadap permohonan pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan serta Rekod Am Kewangan dan Perakaunan yang telah tamat tindakan dan mematuhi tempoh simpanan yang ditetapkan dalam Jadual.

2.6 Tafsiran/ Definisi

2.6.1 Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan

Jadual yang mengenalpasti rekod yang mempunyai nilai arkib untuk dipelihara dan membenarkan pemusnahan rekod yang tinggal selepas luput tempoh pengekelan yang ditentukan. - seksyen 27 (3) Akta Arkib Negara 2003 [*Akta 629*].

2.6.2 Tajuk Siri

Merujuk kepada buku atau rekod yang berkaitan dengan sesuatu fungsi atau aktiviti pengurusan kewangan dan perakaunan dalam pelbagai format/bentuk.

2.6.3 Perihal Rekod

Perihal rekod merujuk kepada kod dan nombor borang, buku, laporan atau penjelasan ringkas tentang isi kandungan, konteks pewujudan dan sifat siri rekod. Perihal rekod ini juga merujuk kepada pewujudannya dari segi perundangan dan peraturan kewangan dan perakaunan yang digunakan oleh kementerian, jabatan dan agensi kerajaan.

2.6.4 Tamat Tindakan

Penetapan yang menjelaskan penyelesaian segala urusan atau tiada tindakan lanjut dikehendaki diambil tentang rekod tersebut. Dalam jadual ini, tamat tindakan merujuk kepada segala tindakan telah selesai yang bermaksud sama ada:

- i. Penyelesaian akhir segala urusan;
- ii. Penutupan akaun terakhir;
- iii. Telah selesai kerja penyalinan (mikrofilem dan sebagainya), dan;
- iv. Tidak lagi diperlukan **sebagai bukti** oleh pihak-pihak berkepentingan seperti Ketua Audit Negara, Ketua Akauntan Negara, Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam, Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.

- 2.6.5 **Tindakan Pelupusan**
Penetapan tempoh simpanan sesuatu tajuk siri rekod bermula daripada tamat tindakan sebelum pemusnahan atau pemindahan rekod kewangan dan perakaunan dilaksanakan. Rekod dimusnahkan apabila tidak diperlukan lagi oleh kementerian, jabatan dan agensi kerajaan atau dipindahkan ke Arkib Negara Malaysia jika mempunyai nilai kearkiban.
- 2.6.6 **Pelupusan**
Cara menguruskan pengasingan rekod dengan tujuan pemusnahan, pemindahan atau selainnya (penangguhan pemindahan). - seksyen 2 Akta Arkib Negara 2003 [*Akta 629*].
- 2.6.7 **Pemusnahan**
Perbuatan memusnahkan atau menghapuskan apa-apa jenis rekod dengan apa-apa cara. - seksyen 2 Akta Arkib Negara 2003 [*Akta 629*].
- 2.6.8 **Pemindahan Rekod**
Perbuatan memindahkan rekod awam kepada jagaan dan kawalan Arkib Negara Malaysia.
- 2.6.9 **Pejabat Awam**
Pejabat awam bererti sesuatu pejabat Kerajaan Persekutuan atau kerajaan mana-mana Negeri atau sesuatu pejabat mana-mana kerajaan tempatan, pihak berkuasa berkanun atau perusahaan Kerajaan. - seksyen 2 Akta Arkib Negara 2003 [*Akta 629*].
- 2.6.10 **Rekod**
Merupakan sesuatu bahan dalam bentuk bertulis atau bentuk lain yang menyatakan fakta atau peristiwa atau selainnya merakamkan maklumat dan termasuklah kertas, dokumen, daftar, bahan bercetak, buku, peta, pelan, lukisan, gambar foto, mikrofilem, filem sinematograf, rakaman bunyi, rekod yang dihasilkan secara elektronik tanpa mengira bentuk atau ciri-ciri fizikal atau apa-apa salinannya. - seksyen 2 Akta Arkib Negara 2003 [*Akta 629*].
- 2.6.11 **Rekod Awam**
Rekod awam ertinya rekod yang diterima secara rasmi atau yang dikeluarkan oleh mana-mana pejabat awam bagi perjalanan hal ehwalnya atau oleh mana-mana pekhidmat awam atau pekerja pejabat awam dalam perjalanan tugas rasminya dan termasuk rekod mana-mana perusahaan Kerajaan dan juga termasuk segala rekod yang, pada permulaan kuat kuasa Akta ini, adalah dalam jagaan atau di bawah kawalan Arkib Negara Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Arkib Negara 1966 [*Akta 511*]. - seksyen 2 Akta Arkib Negara 2003 [*Akta 629*].

2.7 Larangan Pemusnahan Rekod Awam

- 2.7.1 Tiada seorang pun boleh memusnahkan atau membenarkan pemusnahan mana-mana rekod awam yang dalam jagaan atau kawalannya tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah, Arkib Negara Malaysia mengikut seksyen 25 (1) dan seksyen 25 (2) Akta Arkib Negara 2003 [*Akta 629*].
- 2.7.2 Sesiapa yang melakukan kesalahan dan disabitkan dengan kesalahan ini, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 5000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali mengikut peruntukan seksyen 25 (5) Akta Arkib Negara 2003 [*Akta 629*].

3. TATACARA PELUPUSAN REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

Kementerian, jabatan dan agensi kerajaan hendaklah membuat pengasingan bagi rekod-rekod yang telah tamat tindakan serta telah mematuhi tempoh simpanan yang ditetapkan dalam jadual dan memohon untuk pelupusan seperti berikut:

3.1 Permohonan Pelupusan Rekod Secara Pemusnahan Bagi Kumpulan 1 (Rekod Kewangan dan Perakaunan)

- 3.1.1 Rekod-rekod yang telah dikenalpasti untuk permohonan pelupusan secara pemusnahan, hendaklah disenaraikan dalam **Borang Permohonan Bagi Pemusnahan Rekod Kewangan dan Perakaunan (Kewangan - Arkib 4/08) seperti di Lampiran 2**. Sesalinan borang ini hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara/ Audit Negeri, Akauntan Negara atau Bendahari Negeri/ Akauntan Negeri dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (jika ia melibatkan kes siasatan) untuk **kebenaran pemusnahan**.
- 3.1.2 Sesalinan surat Kebenaran Pemusnahan yang diterima daripada Ketua Audit Negara/ Audit Negeri, Akauntan Negara atau Bendahari Negeri/ Akauntan Negeri dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (jika ia melibatkan kes siasatan) dikemukakan kepada Ketua Pengarah Arkib Negara/ Pengarah Arkib Negara Negeri untuk **Kelulusan Pemusnahan Rekod Kewangan dan Perakaunan**. Rujuk Carta Alir Permohonan Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan di **Lampiran 1**.
- 3.1.3 Ketua Pengarah Arkib Negara/ Pengarah Arkib Negara Negeri, Ketua Audit Negara/ Audit Negeri, Akauntan Negara atau Bendahari Negeri/ Akauntan Negeri dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (jika ia melibatkan kes siasatan) hendaklah (sekiranya perlu) membuat semakan dan pengesahan fizikal ke atas rekod.

3.2 Permohonan Pelupusan Rekod Secara Pemusnahan Bagi Kumpulan 2 (Rekod Am Kewangan dan Perakaunan)

- 3.2.1 Rekod-rekod yang telah dikenalpasti untuk permohonan pelupusan secara pemusnahan, hendaklah disenaraikan dalam **Borang Permohonan Bagi Pemusnahan Rekod Kewangan dan Perakaunan (Kewangan - Arkib 4/08) seperti di Lampiran 3**. Sesalinan borang ini hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara/ Audit Negeri dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (jika ia melibatkan kes siasatan) untuk **kebenaran pemusnahan**.
- 3.2.2 Sesalinan surat Kebenaran Pemusnahan yang diterima daripada Ketua Audit Negara/ Audit Negeri dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (jika ia melibatkan kes siasatan) dikemukakan kepada Ketua Pengarah Arkib Negara/ Pengarah Arkib Negara Negeri untuk **Kelulusan Pemusnahan Rekod Kewangan dan Perakaunan**. Rujuk Carta Alir Permohonan Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan di **Lampiran 1**.
- 3.2.3 Ketua Pengarah Arkib Negara/ Pengarah Arkib Negara Negeri, Ketua Audit Negara/ Audit Negeri dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (jika ia melibatkan kes siasatan) hendaklah (sekiranya perlu) membuat semakan dan pengesahan fizikal ke atas rekod.

3.3 Kaedah Pemusnahan Rekod Bagi Kumpulan 1 (Rekod Kewangan dan Perakaunan)

Setelah memperoleh **Surat Kebenaran Pemusnahan** daripada Ketua Audit Negara/ Audit Negeri, Akauntan Negara atau Bendahari Negeri/ Akauntan Negeri dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (sekiranya berkaitan) dan **Surat Kelulusan Pemusnahan** daripada Ketua Pengarah Arkib Negara/ Pengarah Arkib Negara Negeri. Pegawai Pengawal hendaklah mengambil tindakan berikut:

- 3.3.1 Rekod hendaklah dimusnahkan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh Surat Kelulusan Ketua Pengarah Arkib Negara/ Pengarah Arkib Negara Negeri.
- 3.3.2 Sekiranya pemusnahan tidak dapat dijalankan dalam tempoh tiga (3) bulan yang ditetapkan, permohonan secara bertulis hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah Arkib Negara/ Pengarah Arkib Negara Negeri dan disalinkan kepada Ketua Audit Negara/ Audit Negeri, Akauntan Negara atau Bendahari Negeri/ Akauntan Negeri dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (sekiranya berkaitan) untuk pelanjutan tempoh pemusnahan rekod. **(Jumlah pelanjutan tempoh hanya dibenarkan sekali sahaja).**
- 3.3.3 Kaedah pemusnahan rekod hendaklah dilaksanakan sama ada secara dirincih, ditanam, dikitar semula atau apa-apa cara yang bersesuaian, berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan oleh **Surat Kementerian Kewangan rujukan KB557/97/54 Jilid. 4 (47) bertarikh 3 November 1993.**
- 3.3.4 Kaedah pemusnahan rekod elektronik hendaklah mengikut peraturan, arahan dan panduan yang ditetapkan oleh Arkib Negara.
- 3.3.5 Pengesahan pemusnahan rekod kewangan dan perakaunan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Arkib Negara/ Pengarah Arkib Negara Negeri, Ketua Audit Negara/ Audit Negeri, Akauntan Negara atau Bendahari Negeri/ Akauntan Negeri dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (sekiranya berkaitan) dalam tempoh (1) satu bulan selepas pemusnahan dilaksanakan dengan menggunakan **Borang Penentusahan Pemusnahan Rekod Kewangan dan Perakaunan (Kewangan - Arkib 13/08) seperti di Lampiran 4.**

3.4 Kaedah Pemusnahan Rekod Bagi Kumpulan 2 (Rekod Am Kewangan dan Perakaunan)

Setelah memperoleh **Surat Kebenaran Pemusnahan** daripada Ketua Audit Negara/ Audit Negeri dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (sekiranya berkaitan) dan **Surat Kelulusan Pemusnahan** daripada Ketua Pengarah Arkib Negara/ Pengarah Arkib Negara Negeri. Pegawai Pengawal hendaklah mengambil tindakan berikut:

- 3.4.1 Rekod hendaklah dimusnahkan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh Surat Kelulusan Ketua Pengarah Arkib Negara/ Pengarah Arkib Negara Negeri.
- 3.4.2 Sekiranya pemusnahan tidak dapat dijalankan dalam tempoh tiga (3) bulan yang ditetapkan, permohonan secara bertulis hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah Arkib Negara/ Pengarah Arkib Negara Negeri dan disalinkan kepada Ketua Audit Negara/ Audit Negeri dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (sekiranya berkaitan) untuk lanjutan tempoh pemusnahan rekod. **(Jumlah pelanjutan tempoh hanya dibenarkan sekali sahaja).**
- 3.4.3 Kaedah pemusnahan rekod hendaklah dilaksanakan sama ada secara dirincih, ditanam, dikitar semula atau apa-apa cara yang bersesuaian, berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan oleh **Surat Kementerian Kewangan rujukan KB557/97/54 Jilid. 4 (47) bertarikh 3 November 1993.**
- 3.4.4 Kaedah pemusnahan rekod elektronik hendaklah mengikut peraturan, arahan dan panduan yang ditetapkan oleh Arkib Negara.
- 3.4.5 Pengesahan pemusnahan rekod kewangan dan perakaunan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Arkib Negara/ Pengarah Arkib Negara Negeri, Ketua Audit Negara/ Audit Negeri dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (sekiranya berkaitan) dalam tempoh satu (1) bulan selepas pemusnahan dilaksanakan dengan menggunakan **Borang Penentusahan Pemusnahan Rekod Kewangan dan Perakaunan (Kewangan-Arkib 13/08) seperti di Lampiran 4.**

3.5 Permohonan Pelupusan Rekod Secara Pemindahan

- 3.5.1 Pejabat awam hendaklah mengenal pasti siri rekod yang telah tamat tindakan dan mematuhi tempoh simpanan yang ditetapkan.
- 3.5.2 Rekod-rekod yang telah dikenalpasti untuk permohonan pelupusan secara pemindahan, hendaklah disenaraikan dalam Borang Permohonan Bagi Pemindahan Rekod Awam (Arkib 11/08) seperti di **Lampiran 5**. Pejabat awam perlu mengemukakan dua salinan borang permohonan kepada Ketua Pengarah Arkib Negara/ Pengarah Arkib Negara Negeri untuk tujuan mendapatkan Surat Kebenaran Pemindahan.
- 3.5.3 Setelah semakan, Arkib Negara Malaysia/ Arkib Negara Negeri akan mengeluarkan surat kebenaran pemindahan rekod kepada pemohon.

3.6 Kaedah Pemindahan Rekod

Setelah mendapat Surat Kebenaran Pemindahan Rekod daripada Ketua Pengarah Arkib Negara/ Pengarah Arkib Negara Negeri. Pegawai Pengawal hendaklah mengambil tindakan berikut:

- 3.6.1 Hubungi Arkib Negara Malaysia (Seksyen Perkhidmatan Pusat Rekod)/ Arkib Negara Malaysia Negeri untuk membuat temujanji pemindahan rekod.
- 3.6.2 Rekod berkenaan hendaklah dipindahkan ke Arkib Negara Malaysia (Seksyen Perkhidmatan Pusat Rekod)/ Arkib Negara Malaysia Negeri atau mana-mana tempat yang ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia/ Arkib Negara Negeri; dan
- 3.6.3 Rekod berkenaan hendaklah dipindahkan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh Surat Kebenaran Pemindahan Rekod atau tempoh lain yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Arkib Negara/ Pengarah Arkib Negara Negeri. Sekiranya pemindahan tidak dapat dijalankan dalam tempoh tiga (3) bulan yang ditetapkan, permohonan secara bertulis hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah Arkib Negara/ Pengarah Arkib Negara Negeri untuk pelanjutan tempoh pemindahan rekod.

3.7 Permohonan dan Kelulusan Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan bagi Pejabat Awam yang tidak tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan 150 (Pindaan 2023)

- 3.7.1 Arahan Perbendaharaan 150 (Pindaan 2023) adalah terpakai kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri (termasuk Badan Berkanun Persekutuan dan Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan). Pemakaian Arahan Perbendaharaan 150 (Pindaan 2023) selain daripada entiti yang dinyatakan di atas adalah tertakluk kepada kelulusan oleh Akta Tubuh/ Tatakelola/ Tadbir Urus/ *Board of Director* (BOD) masing-masing. **Sekiranya pejabat awam tidak tertakluk kepada AP 150**, permohonan pelupusan rekod kewangan dan perakaunan hendaklah dikemukakan kepada Akta Tubuh/ Tatakelola/ Tadbir Urus/ *Board of Director* (BOD) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (jika ia melibatkan kes siasatan) untuk **kebenaran pemusnahan**.
- 3.7.2 Sesalinan surat Kebenaran Pemusnahan yang diterima daripada Akta Tubuh/ Tatakelola/ Tadbir Urus/ *Board of Director* (BOD) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (jika ia melibatkan kes siasatan) dikemukakan kepada Ketua Pengarah Arkib Negara/ Pengarah Arkib Negara Negeri untuk **Kelulusan Pemusnahan Rekod Kewangan dan Perakaunan**.

KUMPULAN 1: REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

BIL.	TAJUK SIRI	PERIHAL REKOD	TAMAT TINDAKAN	TINDAKAN PELUPUSAN
1.	Lejar dan Daftar Berkaitan Hutang Awam, Pinjaman, Pelaburan dan Sekuriti serta Daftar Pindah Milik	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Daftar Pegangan Cukai Taksiran ▪ Daftar Pindah Milik ▪ Daftar Pinjaman Pejabat Hutang Awam ▪ Lejar Subsidiari Pinjaman Luar Negeri/Persekutuan (ZFLLR) ▪ Laporan Terperinci Pinjaman Dalam Negeri (ZRLMLTDL) ▪ Laporan Penerimaan Dan Pembayaran Pinjaman Luar Negeri (ZPYTTNB) ▪ Lejar Subsidiari Pinjaman Persekutuan (ZFLLR) <p>Sistem SPEKS</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kedudukan Status Matang Pinjaman Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan (KSMP) ▪ Kedudukan Tanggungan Hutang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan (KTKN) ▪ Kedudukan Tanggungan Hutang Kerajaan Negeri dengan Agensi/ Badan Berkanun (KTKB) ▪ Penyata Hutang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan (PHKN) ▪ Penyata Hutang Kerajaan Negeri dengan Agensi/ Badan Berkanun (PHAB) ▪ Penyata Lengkap Pinjaman Boleh Dituntut ▪ Penyata Lengkap Hutang Kerajaan Negeri 	Selepas penyelesaian akhir segala urusan dan penutupan akaun akhir	Rekod dimusnahkan selepas tamat tindakan dan tempoh simpanan 12 tahun di Kementerian/ Jabatan/ Agensi dipatuhi

BIL.	TAJUK SIRI	PERIHAL REKOD	TAMAT TINDAKAN	TINDAKAN PELUPUSAN
	(sambungan)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penyata Bayaran Balik Terkumpul Kerajaan Negeri (PBBTKN) ▪ Laporan Urusniaga Terimaan Pinjaman Tanpa Maklumat Yang Lengkap (LUTP) ▪ Laporan Akaun Lejar Subsidiari Pinjaman (LALPD) ▪ Laporan Akaun Lejar Pinjaman (Pinjaman yang diberi) (LALP) ▪ Senarai Pinjaman (Pinjaman Yang Diberi) (SP) ▪ Senarai Pinjaman (Pinjaman Yang Diterima) (SP) 	Selepas penyelesaian akhir segala urusan dan penutupan akaun akhir	Rekod dimusnahkan selepas tamat tindakan dan tempoh simpanan 12 tahun di Kementerian/ Jabatan/ Agensi dipatuhi
2.	<p>Lejar Perakaunan Utama Perbendaharaan, Ringkasan dan Lejar Kecil, Rekod Perakaunan, Buku Tunai dan Jurnal</p> <p>(i) Salinan cetak (hardcopy) daripada Sistem Perakaunan</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Akaun Terimaan yang belum dijelaskan ▪ Belanja Mengurus - Objek Lanjut dan Objek Sebagai (KK 004) ▪ Belanja Mengurus - Subsidi (KK 022) ▪ Belanja Mengurus - Vot (KK 020) ▪ Belanja Mengurus Mengikut Sektor (KK 008) ▪ Belanja Pembangunan - Objek Lanjut (KK 004P) ▪ Belanja Pembangunan - Subsidi (KK 022P) ▪ Belanja Pembangunan Mengikut Sektor (KK 010) 	Selepas penyelesaian akhir segala urusan dan penutupan akaun akhir	Rekod dimusnahkan selepas tamat tindakan dan tempoh simpanan tiga (3) tahun di Kementerian/ Jabatan/ Agensi dipatuhi

BIL.	TAJUK SIRI	PERIHAL REKOD	TAMAT TINDAKAN	TINDAKAN PELUPUSAN
	(sambungan)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Buku Tunai Harian - Bayaran (C 400) (ZRGL 031) ▪ Buku Tunai Harian - Terimaan (C 410) (ZRGL 024) ▪ C/F Trans. (C 491) ▪ Cek-cek Tidak Diambilkira oleh Pejabat Perakaunan (Cek Terbatal) (C 345) ▪ Kedudukan Simpanan Tetap Mengikut Amanah (ZRTR 006) ▪ Laporan Amanah AKB (ZRCC 045) ▪ Laporan Bayaran Baki Tertunggak (ZAL 009) ▪ Laporan Buku Tunai (ZRGL 031) ▪ Laporan Buku Vot (BV 381) ▪ Laporan Daftar Bil (BV 340) ▪ Laporan Hasil - Pejabat Perakaunan (KK 014A) ▪ Laporan Hasil (KK 015) ▪ Laporan Hasil Perubahan Simpanan Tetap (ZRTR 015) ▪ Laporan Hasil Suku Tahun - Pejabat Perakaunan (KK 014B) ▪ Laporan Hasil/ Faedah Yang Diterima (ZRTR 009) ▪ Laporan Jumlah Simpanan Tetap (ZRTR 018) ▪ Laporan Kedudukan Amanah Berperuntukan - 111AB (ZRCC 001) ▪ Laporan Kedudukan Baki Pinjaman (ZAL 0008) ▪ Laporan Kedudukan Simpanan Tetap (ZRTR 007) 	Selepas penyelesaian akhir segala urusan dan penutupan akaun akhir	Rekod dimusnahkan selepas tamat tindakan dan tempoh simpanan tiga (3) tahun di Kementerian/ Jabatan/ Agensi dipatuhi

BIL.	TAJUK SIRI	PERIHAL REKOD	TAMAT TINDAKAN	TINDAKAN PELUPUSAN
	(sambungan)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Laporan Khas Kelebihan Akaun Deposit Dan Wang Amanah Yang Lain (A 464) ▪ Laporan Khas Kelebihan Perbelanjaan Akaun Amanah Berperuntukan (A 463) ▪ Laporan Lengkap Simpanan Tetap (ZRTR 017/ ZRTR 019) ▪ Laporan Pemindahan (C 430) ▪ Laporan Penyata Bayaran (ZALCHO) ▪ Laporan Penyata Bayaran Pinjaman - Berhenti/ Bersara (ZARL 01) ▪ Laporan Pindah Catat C440 (ZRGL 011) ▪ Laporan Pindahan Ke Akaun Hasil (ZAL 013) ▪ Laporan Ringkasan Amanah (JAB) (C 361) (ZRGL 007) ▪ Laporan Status Bayaran Peminjam/ Pendahuluan Dikeluarkan (ZAL 007) ▪ Laporan Suku Tahun Belanja Mengurus - Objek Lanjut (KK 006) ▪ Laporan Suku Tahun Belanja Mengurus - Subsidi (KK 024) ▪ Laporan Suku Tahun Belanja Mengurus - Vot (KK 020A) ▪ Laporan Suku Tahun Belanja Pembangunan - Objek Lanjut (KK 007) ▪ Laporan Suku Tahun Pembangunan - Subsidi (KK 024P) ▪ Laporan Suku Tahun Hasil (KK 012) 	Selepas penyelesaian akhir segala urusan dan penutupan akaun akhir	Rekod) dimusnahkan selepas tamat tindakan dan tempoh simpanan tiga (3) tahun di Kementerian/ Jabatan/ Agensi dipatuhi

BIL.	TAJUK SIRI	PERIHAL REKOD	TAMAT TINDAKAN	TINDAKAN PELUPUSAN
	(sambungan)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Laporan Terperinci Amanah (C 350) (ZRGL 012) ▪ Laporan Terperinci Amanah Mengikut Kod Amanah (C 351) (ZRGL 012) ▪ Laporan Terperinci Hasil (C 330) (ZRC 002) ▪ Laporan Terperinci Hasil Mengikut Kod Hasil (C 331) (ZRC 004) ▪ Laporan Terperinci Perbelanjaan Mengurus (C 231B) (ZRFM 038) ▪ Laporan Terperinci Perbelanjaan Vot (C 239) (ZRFM 008) ▪ Laporan Terperinci Perbelanjaan Vot Pembangunan (C 232P) (ZRF 038) ▪ Laporan Terperinci Vot Tertanggung (C 230) (ZRF 038) ▪ Lejar Bank (C 420) ▪ Maklumat Induk Pinjaman/ Pendahuluan (ZAL 022) ▪ Pembatalan Automatik Cek-cek Tamat Tempoh Laku (C 525) ▪ Penyata Akaun Amanah mengikut Pejabat Perakaunan (A 442) ▪ Penyata Bank Harian ▪ Penyata Gaji Bulanan (salinan jabatan) (R4) ▪ Penyata Penyesuaian Bank ▪ Perbelanjaan Perjalanan Dan Sara Hidup (KK 002) 	Selepas penyelesaian akhir segala urusan dan penutupan akaun akhir	Rekod dimusnahkan selepas tamat tindakan dan tempoh simpanan tiga (3) tahun di Kementerian/ Jabatan/ Agensi dipatuhi

BIL.	TAJUK SIRI	PERIHAL REKOD	TAMAT TINDAKAN	TINDAKAN PELUPUSAN
	(sambungan)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Resit Rasmi Kerajaan Malaysia ▪ Senarai Cek-cek & EFT Yang Dikeluarkan mengikut Kelompok mengikut PTJ (C 600) (ZAP 002) ▪ Senarai Cek-cek Yang Dibatalkan (C 610) (ZRAP 031) ▪ Sijil Gaji Akhir (LPC) Kew 101 (ZRPY 033) ▪ Senarai Kod (ZRPY 054) ▪ Surat Pelepasan Tuntutan Hak Milik (ZRAL 001) ▪ Waran Peruntukan (Kew 308E) <p>Laporan SPEKS</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Buku Tunai Harian - Bayaran (L 010) ▪ Buku Tunai Harian - Terimaan (L 011) ▪ Butir-Butir Hasil Mengikut Objek Lanjut - Format AH 2 ▪ Laporan Baki Amanah Yang Dibawa Ke Hadapan (L 701) ▪ Laporan Baki Dibawa Kehadapan Akaun Amanah ▪ Laporan Baki Semasa Akaun Amanah ▪ Laporan Baki Semasa Akaun Amanah (L 702) ▪ Laporan Bayaran Kemajuan Kontrak ▪ Laporan Buku Tunai Cerakinan Mengikut Tarikh ▪ Laporan Daftar Cek Tak Laku ▪ Laporan Harian Buku Vot 	Selepas penyelesaian akhir segala urusan dan penutupan akaun akhir	Rekod dimusnahkan selepas tamat tindakan dan tempoh simpanan tiga (3) tahun di Kementerian/ Jabatan/ Agensi dipatuhi

BIL.	TAJUK SIRI	PERIHAL REKOD	TAMAT TINDAKAN	TINDAKAN PELUPUSAN
	(sambungan)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Laporan Kedudukan Pinjaman Mengikut JAB (SL 340R) ▪ Laporan Kumpulan Wang Amanah Awam (M 007) ▪ Laporan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan (M 006) ▪ Laporan Kumpulan Wang Bekalan Air (M 008) ▪ Laporan Penyata Bayaran Kontrak ▪ Laporan Penyata Terimaan Dan Bayaran Akaun Amanah PTJ ▪ Laporan Penyesuaian Akaun Lejer Kecil Mengikut JAB (SL 1302) ▪ Laporan Penyesuaian Akaun Lejer Kecil Mengikut PTJ (SL 1301) ▪ Laporan Penyesuaian Akaun Vot (Format A) ▪ Laporan Penyesuaian Akaun Vot (Format A1) ▪ Laporan Penyesuaian Akaun Vot (Format A2) ▪ Laporan Penyesuaian Bank ▪ Senarai Cek EFT Yang Ditunaikan (L 500) ▪ Senarai Urusniaga Bank Tiada Dalam Buku Tunai (L 510) ▪ Senarai Urusniaga Kontra Bank (L 515) ▪ Senarai Cek Luput Yang Belum Ditunaikan (L 520) ▪ Senarai Cek Yang Dibatalkan Secara Automatik (L 525) 	Selepas penyelesaian akhir segala urusan dan penutupan akaun akhir	Rekod dimusnahkan selepas tamat tindakan dan tempoh simpanan tiga (3) tahun di Kementerian/ Jabatan/ Agensi dipatuhi

BIL.	TAJUK SIRI	PERIHAL REKOD	TAMAT TINDAKAN	TINDAKAN PELUPUSAN
	(sambungan)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Senarai Cek/ EFT Belum Ditunaikan (L 530) ▪ Senarai Cek/ EFT Yang Dibatalkan (L 540) ▪ Senarai Cek Luput Yang Ditunaikan Oleh Bank (L 541) ▪ Senarai Cek Yang Dibatalkan Tetapi Ditunaikan Oleh Bank (L 542) ▪ Senarai EFT Ditolak/ Dipulangkan Oleh Bank (L 555) ▪ Senarai Penyata Pemungut Yang Diambilkira (L 560) ▪ Senarai Penyata Pemungut Di Buku Tunai Tiada DiBank (L 580) ▪ Penyata Penyesuaian Bank (L 590) ▪ Rekod Yang Ditolak Dari Pita Bank (L 591) ▪ Laporan Ringkasan Penyata Pita Bank (L 595) ▪ Laporan Perbelanjaan Pembangunan Mengikut Jabatan (M 027) ▪ Laporan Senarai Cek Tak Laku Yang Belum Diganti ▪ Laporan Senarai Perubahan Maklumat Daftar Bayaran Kontrak ▪ Penyata Akaun Amanah (L 401) ▪ Penyata Akaun Amanah Mengikut Jab/ PTJ (L 405) ▪ Penyata Lengkap Akaun Amanah Mengikut Kod (L 402) 	Selepas penyelesaian akhir segala urusan dan penutupan akaun akhir	Rekod dimusnahkan selepas tamat tindakan dan tempoh simpanan tiga (3) tahun di Kementerian/ Jabatan/ Agensi dipatuhi

BIL.	TAJUK SIRI	PERIHAL REKOD	TAMAT TINDAKAN	TINDAKAN PELUPUSAN
	(sambungan)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penyata Perbelanjaan Bagi Projek-Projek Tahap Yang Dilaksanakan ▪ Penyata Pinjaman Kenderaan/ Komputer/ Perumahan (SI BAKI) ▪ Penyata Ringkasan Pemberian Tahap Pembangunan Ekonomi Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup ▪ Ringkasan Hasil Mengikut Objek Sebagai - Format AH 1 ▪ Senarai Cek Mengikut Jabatan/ PTJ (L 009) ▪ Senarai Kedudukan Pinjaman Kenderaan/ Komputer/ Perumahan (SL 332R) ▪ Senarai Rekod Pinjaman Mengikut No. Akaun (SL 341R) ▪ Urusniaga Akaun Bank (L 370) 	Selepas penyelesaian akhir segala urusan dan penutupan akaun akhir	Rekod dimusnahkan selepas tamat tindakan dan tempoh simpanan tiga (3) tahun di Kementerian/ Jabatan/ Agensi dipatuhi
	(ii) Manual	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Borang Pemandaran Rekod Bank (Dokumen 92) ▪ Borang Pindahan Fail Bank (Dokumen 91) ▪ Borang Pindahan Wang Antara Akaun Bank (Dokumen 90) ▪ Buku Tunai Cerakinan (Kew 248/249) ▪ Buku Vot (Kew 88) ▪ Cek Asal Telah Ditunaikan ▪ Cek Yang Terbatal/ Rosak ▪ Cek-cek Tidak Diambilkira Oleh Pejabat 	Selepas penyelesaian akhir segala urusan dan penutupan akaun akhir	Rekod dimusnahkan selepas tamat tindakan dan tempoh simpanan tujuh (7) tahun di Kementerian/ Jabatan/ Agensi dipatuhi

BIL.	TAJUK SIRI	PERIHAL REKOD	TAMAT TINDAKAN	TINDAKAN PELUPUSAN
